# PEMBERITAHUAN

**PELANJUTAN TEMPOH SURVEI "KE ARAH MALAYSIA INKLUSIF DIGITAL: MENILAI AMALAN DAN TINGKAH LAKU AWAM BAGI KOMUNIKASI KERAJAAN YANG BERKESAN 2026"**

**CYBERJAYA, 10 September 2026** – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) merujuk kepada notis bertarikh 13 April 2026 berhubung pelaksanaan tinjauan **"Ke Arah Malaysia Inklusif Digital: Menilai Amalan dan Tingkah Laku Awam bagi Komunikasi Kerajaan yang Berkesan 2026"** ("Survei").

Survei ini dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat mengenai pengalaman dan persepsi orang ramai terhadap komunikasi kerajaan di Malaysia.

MCMC ingin memaklumkan bahawa tempoh Survei ini telah dilanjutkan sehingga **31 Oktober 2026**, atau sehingga kuota sampel yang ditetapkan dicapai, mengikut mana-mana yang terdahulu.

Notis semasa dan notis terdahulu boleh didapati di laman sesawang MCMC di: https://www.mcmc.gov.my/ms/media/announcements.


Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

Ibu Pejabat MCMC , MCMC Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor

**(u.p: Jabatan Statistik dan Risikan Data)**

**E-mel:** statistics@mcmc.gov.my

Tel: +603 8688 8000 Fax: +603 8688 1000